

PM mahu rakyat hormati golongan tua

Pupuk nilai akhlak murni

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahu rakyat memupuk nilai-nilai mulia dan murni, termasuk amanah, disiplin dan menghormati serta mematuhi arahan golongan tua dan berpangkat lebih tinggi demi kejayaan bangsa dan negara.

Perdana Menteri menegaskan, nilai-nilai itu penting diamalkan oleh semua pihak, termasuk bukan Islam bagi memelihara dan mengekalkan keamanan negara serta perpaduan rakyat.

"Ini juga akan membolehkan kita membangunkan negara dengan sempurna dan mengamalkan ibadat dengan lebih aman," katanya ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara di sini.

Perdana Menteri kesal kerana ada umat Islam yang lantang menyuarakan soal persaudaraan, tetapi tidak mengamalkannya. Sebaliknya golongan itu terus bermusuhan sesama sendiri hingga menjadi lemah dan dipermainkan oleh orang lain.

Perdana Menteri memberi contoh, sementara umat Islam di Asia Barat lantang mengatakan orang Islam bersaudara, mereka lupa dan sanggup ber-

perang serta berbunuh sesama sendiri bila timbul masalah yang remeh-temeh.

"Masalah seperti siapakah yang perlu memiliki tanah yang kecil sepatutnya boleh diselesaikan di meja perundingan," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan sesuatu kaum bergantung penuh kepada nilai-nilai hidup, termasuk rajin, cekap menguruskan wang dan tahu menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Dalam hal ini, kata Perdana Menteri, tugas sekolah tidak sahaja terhad untuk mengajar murid mengira, menulis dan membaca, malah tanggungjawabnya lebih luas, iaitu meliputi usaha pemupukan nilai-nilai akhlak yang murni dan mulia.

"Kita harus ingat, sekolah adalah tempat kita menyediakan generasi masa depan. Jika didikan yang diberi sesuai dengan kepimpinan yang dikehendaki, saya percaya negara akan maju dan rakyat akan hidup bahagia," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelajaran dan didikan yang sempurna adalah modal dan harta yang menguntungkan bagi masa depan rakyat dan negara.

Beliau berharap guru-guru akan memahami tugas dan tanggungjawab itu

KODIANG, Khamis

dan mengamalkannya demi mewujudkan pelajar berdisiplin, amanah, menghormati orang tua dan dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat.

"Tugas utama mendidik anak-anak terletak pada guru yang dilatih khas sebagai profesional untuk menyampaikan pelajaran kepada pelajar," katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ini tidak bermakna ibu bapa boleh menyerahkan bulat-bulat tanggungjawab mendidik anak-anak kepada sekolah. Mereka hendaklah bersamasama memikul tugas itu.

"Sekolah tidak akan dapat mendidik pelajar, termasuk memupuk nilai-nilai murni dan mulia jika latar belakang kanak-kanak itu tidak sempurna," kata Perdana Menteri.